



## KENYATAAN MEDIA

---

### **PENGUMUMAN PAKEJ KHAS PERKHIDMATAN MUDAH ALIH DAN TALIAN TETAP BAGI GOLONGAN ORANG KELAINAN UPAYA**

Pada 10 Jun yang lalu, saya telah dijemput untuk melancarkan Program Latihan E-Dagang untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) yang dianjurkan oleh Pertubuhan Orang Cacat Cina Malaysia (POCCM) di Puchong.

Saya mendapati program ini sangat produktif dan bermanfaat kepada peserta-peserta dari persatuan tersebut.

Pada dasarnya, ia memberikan mereka peluang untuk menggunakan Internet sebagai platform untuk meningkatkan produktiviti perniagaan mereka. Saya menyokong inisiatif-inisiatif seperti ini.

Pada program itu, seorang peserta telah bertanya kepada saya sama ada saya boleh meminta syarikat-syarikat telekomunikasi untuk mempertimbangkan penyediaan perkhidmatan pakej jalur lebar khas untuk golongan OKU bagi membantu mengurangkan kos mereka yang juga akan membantu dan memberi manfaat kepada mereka.

Oleh yang demikian, saya telah pun meminta syarikat-syarikat telekomunikasi mempertimbangkan perkara ini. Sukacita saya mengumumkan bahawa penyedia perkhidmatan telah bersetuju untuk memenuhi permintaan ini seperti yang ternyata dalam lampiran.

Penyedia perkhidmatan akan memberikan diskaun antara RM10 dan RM15 untuk pakej-pakej perkhidmatan mudah-alih prabayar dan pasca bayar tertentu.

Syarikat Celcom, Digi, Maxis dan uMobile menawarkan diskaun untuk pakej pasca bayar dan Syarikat YTL pula menawarkan diskaun untuk pakej prabayar. Syarikat Digi juga akan memberikan diskaun untuk pembelian kuota internet tambahan.

Manakala bagi perkhidmatan talian tetap pula, penyedia perkhidmatan akan memberikan diskaun antara RM10 dan RM44 untuk pakej tertentu. Syarikat Telekom Malaysia menawarkan diskaun sebanyak RM22 hingga RM44 untuk pakej Streamyx dan RM10 untuk pakej Unifi. Syarikat Celcom pula akan memberi diskaun sebanyak RM10 untuk pakej Home Wireless.

Saya berharap pakej-pakej ini akan membantu golongan ini dan menggalakkan lebih banyak penggunaan Internet untuk meningkatkan dan memperkembangkan perniagaan mereka.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada syarikat-syarikat telekomunikasi kerana mengambil langkah proaktif untuk mengemukakan dan melaksanakan pakej-pakej ini untuk membantu inisiatif ini.

Saya juga ingin menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa prihatin terhadap golongan OKU dan akan memastikan bahawa mereka juga mendapat manfaat daripada kelebihan-kelebihan ekonomi digital dan akan terus bekerjasama dengan semua pihak yang sedia menjayakan sebarang usaha untuk tujuan tersebut.

**GOBIND SINGH DEO**

**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**20 JUN 2019**

## LAMPIRAN

# Pakej OKU Talian Mudah Alih

Penyedia Perkhidmatan	Mod	Bilangan Paket	Pakej OKU		Butiran
	Prabayar	-			
	Pascabayar	6	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dari RM40@10GB hingga RM178@200B</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Diskaun RM10</li> </ul>
	Prabayar	-			
	Pascabayar	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM28@6GB</li> <li>RM48@20GB</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Diskaun RM10</li> <li>Naik taraf dengan diskaun RM10</li> </ul>
	Prabayar	-			
	Pascabayar	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM30@5GB</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Diskaun RM10</li> </ul>
	Prabayar	-			
	Pascabayar	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dari RM40 @tanpa had @5Mbps hingga RM129 @tanpa had</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Diskaun RM10</li> <li>Turut menawarkan pakej dengan data dihadkan</li> </ul>
	Prabayar	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM15 @tanpa had @4Mbps</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Diskaun 50% dari pakej biasa</li> </ul>
	Pascabayar	-			

# Pakej OKU Talian Tetap

Penyedia Perkhidmatan	Mod	Bilangan Paket	Pakej OKU	Butiran
	Jalur Lebar			
	Streamyx	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM66@1Mbps</li> <li>RM99@2Mbps</li> <li>RM118@4Mbps</li> </ul>	Harga Pasaran Biasa <ul style="list-style-type: none"> <li>RM110@1Mbps</li> <li>RM130@2Mbps</li> <li>RM140@4Mbps</li> </ul>
	Unifi	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM119@100Mbps</li> </ul>	Harga Pasaran Biasa <ul style="list-style-type: none"> <li>RM129@100Mbps</li> <li>Diskaun RM10</li> </ul>
	Jalur Lebar Fibre (Kediaman)	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM89@100Mbps</li> <li>RM129@500Mbps</li> <li>RM189@1Gbps</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diskaun RM10</li> </ul>
	Tanpa Wayar (Kediaman)	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM60@65GB</li> <li>RM90@150GB</li> <li>RM140@150GB</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diskaun RM10</li> </ul>